

**Pendedahan** kepada dunia industri yang sebenar kepada para mahasiswa-mahasiswi KUKUM seawal pengajian di universiti adalah langkah terbaik bagi menyuntik semangat mereka untuk memahami kerjaya jurutera dan bidang kejuruteraan, demikian menurut Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM semasa merasmikan Program Pendedahan Industri (InDex) 2005 di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kuala Perlis pada 31 Mac 2005 lalu.

Prof. Dato' Dr. Kamarudin, berkata, InDex 2005 ini diadakan bagi tujuan memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang bentuk pekerjaan yang bakal diceburi, membuka minda mahasiswa-mahasiswi dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi selain mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang industri itu sendiri.

"InDex 2005 menjadi program wajib bagi mahasiswa-mahasiswi Tahun Pertama KUKUM. Ia adalah sebahagian dari program yang telah dirangka oleh pihak pengurusan akademik KUKUM bagi memenuhi syarat-syarat pengiktirafan dari *Board of Engineers Malaysia* selain mengadakan lawatan ke industri dan aktiviti ceramah dari pakar-pakar industri."

"Graduan KUKUM tidak sahaja diperkenalkan kepada teori-teori kejuruteraan sahaja malah diperlengkapkan lagi dengan pengetahuan yang segar dan pengalaman 'sebenar' dari mereka-mereka yang dianggap pakar di dalam bidang kejuruteraan dan industri itu sendiri. Saya percaya melalui program sebegini,



## d. InDex 2005 Mampu Merealisasikan Matlamat KUKUM

KUKUM mampu menghasilkan jurutera yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif," tegas beliau.

Program Pendedahan Industri (InDex) 2005 yang telah dianjurkan oleh Pusat Kerjasama Industri (CIC), KUKUM buat kali ketiga sejak penubuhan universiti telah dihadiri oleh kira-kira 600 orang pelajar Tahun Pertama KUKUM. Program yang berlangsung selama dua hari tersebut telah diisi dengan pelbagai program ceramah oleh beberapa orang pakar dari industri.

Antara lain Cik Eriko Motoyama, Pengarah Exsedia Sdn. Bhd. telah menyampaikan ceramah bertajuk '*Technology is Changing Fast... If You Take the Wrong Move, You Will Lose the Game*', Encik Muhamad Hamizan, Pengurus Innovation Technology, dengan tajuk, '*'Self Esteem and Work Performance*', Encik Tahiruddin bin Hamzah, Pengurus Kanan, Bahagian Korporat dan Hubungan Luar, Silterra Malaysia Sdn. Bhd. dengan tajuk, '*Challenges of Semiconductor Wafer- The Silterra Experience*' dan Encik Mohamad Nazuir Ahmad Toee, Pengurus Program Kolej Malaysia, Intel Technology Sdn. Bhd. pula telah menyampaikan ceramah yang bertajuk, '*Unemployment on the Rise : Responsibility of Industry, University and Graduate*'.

Bagi sesi forum pula yang mengupas tajuk 'Cabaran Era Globalisasi' InDex 2005 telah menjemput Dr. Yew Chee Kiang, Ketua Pegawai Teknologi (CTO), Flex-P Industries Sdn. Bhd., Encik Mohd Parid Sulaiman, Pengurus Produk Kejuruteraan, Intel Products (M) Sdn. Bhd. dan Encik Al Shammugan, Pengarah Urusan, LD Technologies Sdn. Bhd. serta Prof Madya Ir. Mohabattul Zaman Bukhari, Timbalan Dekan Pengurusan Akademik dan Pengantarabangsaan sebagai ahli panel.